

# E-BULETIN



DBP CAWANGAN SABAH

Edisi Januari-Mac 2019



## MAJLIS PRAPELANCARAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN (DMK) PERINGKAT NEGERI SABAH

#MALAYSIA  
MEMBACA



Dewan Bahasa dan Pustaka  
Malaysia



@DBPMalaysia



dbpmalaysia



DBPNIaga

## MAJLIS PRAPELANCARAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN (DMK) PERINGKAT NEGERI SABAH



Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah telah mengadakan Majlis Prapelanaran DMK Peringkat Negeri Sabah pada 29 Januari 2019 (Selasa), di Kompleks DBP Cawangan Sabah. Acara ini bertujuan mempromosikan DMK kepada segenap lapisan masyarakat, khususnya di negeri Sabah, seterusnya menggalakkan budaya membaca bagi melahirkan bangsa yang berilmu dan berfikiran kritis. Perasmian acara ini telah disempurnakan oleh Tuan Md. Hanafiah Datuk Seri Panglima Md. Kassim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Pentadbiran) yang mewakili YB Datuk Seri Panglima Hashim Paijan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Mesyuarat Khas Majlis Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 11 Oktober 2018 memutuskan bahawa DMK akan digerakkan serta diperluas kepada masyarakat pelbagai peringkat umur yang meliputi kanak-kanak, remaja, pelajar dan dewasa melalui kerjasama bersepadu dengan kementerian-kementerian lain. Mesyuarat Jemaah Menteri Bil. 16/2018 pada 19 Oktober 2018 seterusnya memutuskan untuk melaksanakan kempen Dekad Membaca Kebangsaan yang bertemakan #MALAYSIAMEMBACA. Majlis Prapelanaran DMK Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 13 Disember 2018 oleh YB Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Malaysia.



DMK yang dijangka memberikan impak positif kepada pembangunan industri buku negara akan bermula pada tahun 2021 hingga 2030. Bagi memastikan DMK mencapai keberhasilan yang dihasratkan, kerajaan akan memantapkan persekitaran asas galakan membaca dan ketersediaan mental rakyat secara agresif, kreatif dan inklusif melalui Kempen Membaca Kebangsaan (KMK) selama tiga tahun, iaitu mulai tahun 2018 hingga 2020.

Terdahulu turut berlangsung penyerahan sumbangan buku kepada beberapa buah sekolah terpilih di Kota Kinabalu. Antaranya ialah Sekolah Kebangsaan Tambalang, Sekolah Kebangsaan Lapan, Sekolah Kebangsaan Likas, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Ria dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Telipok. Selain itu, turut berlangsung wacana "Malaysia Negara Membaca" yang menampilkan Prof. Madya Dr. Asmady Idris dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Puan Maria Sinti, Timbalan Pengarah kanan Perpustakaan Negeri Sabah dipengerusikan oleh Puan Aminah Awang Basar, Pengarah DBP Cawangan Sabah. Pada majlis yang sama, tetamu kehormat juga telah melancarkan "Anjung Bacaan" DBP Cawangan Sabah.



# UNIT PENGEMBANGAN BAHASA DAN SASTERA



**5 Januari 2019**

Program Suntik Bil.1/2019 di Sudut Penulis, DBPCS.



**23 Februari 2019**

Program Semarak Puisi dan Prosa Moden serta Pelancaran Buku Antologi Karya Guru dan Anugerah (Anugerah) di SMK Penangah, Tongod.



**9 Februari 2019**

Program Suntik Bil. 2/2019 di SIDMA College Kampus Sabah.



**2 Mac 2019**

Program Suntik Bil.3/2019 di University College Sabah Foundation (UCSF), Kota Kinabalu.



**12 Januari 2019**

Program Bimbingan Novel Sejarah untuk Remaja di Sudut Penulis, DBPCS.



**7 Mac 2019**

Ziarah Bahasa kepada Tuan Kusnadi Manuwar, Pegawai Eksekutif, Majlis Daerah Lahad Datu.



**16 Februari 2019**

Program "Diskusi Ilmu" di SK Ulu Kukut, Kota Belud.



**7 Mac 2019**

Ziarah Bahasa kepada Tuan Firuz Idzualdeen@Benetty Mohd Dzul, Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Kecil Tungku, Lahad Datu.



**22 Februari 2019**

Ziarah Bahasa kepada Tuan Rashid Abdul Harun, Pegawai Daerah Tongod.



**11 Mac 2019**

Ziarah Bahasa kepada YBhg. Datuk Haji Nordin Siman, Mayor, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.



**22 Februari 2019**

Ziarah Bahasa kepada Tuan Benedict Asmat, Pegawai Daerah Telupid.



**28-30 Mac 2019**

Bengkel Pembinaan Bakat Tunas Muda dan Tunas Remaja di INTAN Kampus Sabah, Kota Kinabalu.



## DBP MENYANTUNI MASYARAKAT

### PROGRAM MUTIARA KASIH MANTANANI

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah telah menyertai Program Mutiara Kasih Mantanani pada 28 Februari – 3 Mac 2019 di Pulau Mantanani, Kota Belud. Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini turut melibatkan agensi lain seperti Jabatan Maritim Sabah, Jabatan Kesihatan Sabah, Jabatan Pendidikan Sabah dan lain-lain. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mendekatkan masyarakat tempatan dengan agensi kerajaan serta pelbagai agensi lain di samping menyampaikan sumbangan kepada komuniti masyarakat melalui kegiatan dan aktiviti yang dilaksanakan. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Datuk Dr. Yusof Jacob pada 1 Mac 2019, pukul 9.00 pagi di SK Pulau Mantanani dan program ini telah berlangsung dengan jayanya serta mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat.

### PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI FELDA SAHABAT

Program Khidmat Komuniti anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Zon Sabah telah diadakan pada 7 hingga 8 Mac 2019 di Felda Sahabat, Lahad Datu. Program ini dilaksanakan bertujuan memupuk semangat hidup bermuafakat dalam komuniti tanpa mengira bangsa, agama, kepercayaan dan ideologi serta mengeratkan silaturahim serta kerjasama agensi kerajaan dan swasta yang terlibat.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah, MASwings Sdn. Bhd., Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tungku, Eastern Sabah Security Command (Esscom) dan FELDA Sahabat, Lahad Datu turut bekerjasama menganjurkan program ini. Program yang berbentuk kerja-kerja kemasyarakatan ini telah melibatkan kira-kira 1000 orang masyarakat di FELDA Sahabat, Lahad Datu. Penglibatan DBP Cawangan Sabah dalam program ini amat wajar sebagai usaha mengembangkan bahasa dan sastera, serta mempromosikan produk DBP. Selain itu, hubungan sinergi dengan pelbagai pihak dapat dimantapkan.



**Bengkel Pemurnian Kamus Lotud Melayu Dewan** pada 22-25 Februari 2019 di Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu.

**Randau Karyawan Siri 1/2019** pada 7 Januari 2019 di Sudut Penulis, DBPCS.



## UNIT PEMBINAAN BAHASA DAN SASTERA



**Kunjungan kepada Pengerusi Majlis Gabungan Etnik Bumiputera Sabah (MAGEBS)**, YBhg. Datuk Abdullah Sibil pada 21 Mac 2019.

## UNIT PENERBITAN



**Kunjungan kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sabah**, YBhg. Puan Mistirine Radin dan **Pengarah Kesihatan Negeri Sabah**, YBhg. Datuk Dr. Christina Rundi pada 5 Mac 2019.



**Bengkel Pemurnian Manuskrip Sastera Dewasa 2019** pada 16-17 Mac 2019 di DBPCS.



**Bengkel Penyediaan Dami Buku Bergambar Kanak-kanak DBP-YS** pada 23-24 Februari 2019 di DBPCS



**Bengkel Perolehan Buku Sastera Dewasa** pada 30-31 Mac 2019 di DBPCS

# UNIT PENGEDARAN DAN PEMASARAN

**14-16 Januari 2019**  
Semakan Stok Fizikal (SSF)  
di DBP Cawangan Sabah.



**14 Februari 2019**  
Pameran dan Jualan Ujana Buku DBP  
di SMK Tun Juhar, Sandakan.



**14 Februari 2019**  
Pameran dan Jualan Ujana Buku DBP  
di Pusat Kegiatan Guru Tamparuli.



**26 Februari 2019**  
Pameran dan Jualan Ujana Buku DBP  
di SMJK Shan Tao, Kota Kinabalu.



**26 Februari 2019**  
Pameran dan Jualan Ujana Buku DBP  
di SMK Likas, Kota Kinabalu.



**11 Mac 2019**  
Pameran dan Jualan Ujana Buku DBP  
di SMK Beaufort II.



**12 Mac 2019**  
Pameran dan Jualan Ujana Buku DBP  
di SMK Sg. Damit, Tamparuli.



**14 MAC 2019**  
Program Majalah dalam Kelas (MDK)  
di SK Ulu Kukut, Kota Belud.



**26 MAC 2019**  
Promosi Jelajah Ujana Buku DBP  
di Radio Labuan FM.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Puan Mas Im Hashim,  
Unit Pengedaran dan Pemasaran,  
DBPCS.

☎ 088-439317  
✉ mas\_im@dbp.gov.my

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



**7 JANUARI 2019**

Kunjungan Hormat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, YBhg. Datuk Seri Panglima Hashim Paijan.



**8 JANUARI 2019**

Kunjungan Hormat kepada Pengarah YADIM Zon Sabah, Tuan Haji Samin Ongki.



**10 JANUARI 2019**

Kunjungan Hormat daripada Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA).



**18 JANUARI 2019**

Kunjungan Hormat daripada Kelab Penulis Kadazan Dusun Murut Sabah (MOMOGUNSI).



**21 JANUARI 2019**

Kunjungan Hormat kepada Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah, YBhg. Encik Wong Vui Yin.



**30 JANUARI 2019**

Lawatan Pelajar Jurusan Bahasa Melayu, IPG Kampus Kent ke DBPCS.



**13 FEBRUARI 2019**

Kunjungan Hormat kepada Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan Sabah, YBhg. Datuk Awang Damit Ag. Anak.



**26 FEBRUARI 2019**

Kunjungan Hormat kepada YBhg. Datin Mariam Bulandai.



**20 MAC 2019**

Kunjungan Hormat kepada Pengarah Penyiaran Negeri Sabah, YBhg. Puan Malinziah Datu Mohd Julaspi.

# RAKAMAN PENGHARGAAN

## PEGAWAI LANTIKAN BAHARU



### NAZEEM NAIM JACKSON JAMES

**Jawatan** : Pengawal Keselamatan (KP11)  
**Unit** : Pentadbiran  
**Tarikh** : 15 Januari 2019



### WELSTER ARIFFIN

**Jawatan** : Pembantu Eksekutif Kewangan (Kontrak)  
**Unit** : Pengedaran dan Pemasaran  
**Tarikh** : 15 Januari 2019

## PEGAWAI YANG BERPINDAH



### HAJAH ASMIAH HAJI AJAMAIN

**Jawatan** : Perancang Bahasa (S54)  
**Bahagian** : Peristilahan dan Leksikologi, DBP, Kuala Lumpur.  
**Tarikh** : 3 Disember 2018



### GUSLIN HAJI MADRAH

**Jawatan** : Penolong Pegawai Tadbir (N32) KUP  
**Bahagian** : Komunikasi Korporat, DBP, Kuala Lumpur.  
**Tarikh** : 3 Disember 2018



### MASLINAH YUSOF

**Jawatan** : Pegawai Khidmat Pelanggan (N19)  
**Bahagian** : Pentadbiran Am, DBP, Kuala Lumpur.  
**Tarikh** : 3 Disember 2018

## PEGAWAI YANG BERSARA



### SITTI HADIAH HAJI ABD MUTALIB

**Jawatan** : Perancang Bahasa (S44) KUP  
**Tarikh** : 5 Mac 2019





# SIDANG REDAKSI



**KETUA EDITOR**

**AMINAH AWANG BASAR**



**EDITOR**

**AHMAD FAZLY SAHAR**

**SIDANG EDITOR**



**HAJAH NORJANAH  
YUSOF**



**RUSDI AWANG**




**JENNITAH  
NOORDIN**



**JAPAR UNGKI**



**NORHAFIZA  
IBRAHIM**



**PEREKA**

**'AISYAH KAMALIAH  
MUGHNI  
(PELATIH INDUSTRI)**



**JURUFOTO**

**CLIFF A. KAMIJAN @  
AKID ABDULLAH**



# ANUGERAH BUKU NEGARA 2019

## Tahniah

### 1. Kategori Buku Umum Terbaik (Seni Kreatif)

#### **Simbolisme dalam Motif Songket**

#### **Melayu Terengganu**

Arba'iyah Ab. Aziz

Editor: Noraini Abd. Hamid



### 2. Kategori Buku Perniagaan dan Ekonomi (Ilmiah) Terbaik

#### **10 Isu Ekonomi Terpilih**

Muhammad Riyadh Ghozali Lubis

dan Muhammad Roza Aulia Lubis

Editor: Norhantah Mohamed



### 3. Kategori Buku Sejarah Terbaik

#### **Prasejarah dan Protosejarah**

#### **Tanah Melayu**

Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman dan Zuliskandar Ramli

Editor: Rohaida Baharudin



### 4. Kategori Buku Umum Terbaik (Kraf Tangan)

#### **Reka Bentuk Kraf Tangan**

#### **Melayu Tradisi**

Siti Zainon Ismail

Editor: Noor Zulfakha Alan Zamirza



### 5. Kategori Buku Biografi Terbaik

#### **Abu Bakar Hamzah:**

#### **Tokoh Politik Islam Malaysia**

Falzuri Abd. Latif dan Noralfah Ab. Hamid

Editor: Mohd. Zuhaili Mat Junoh

